

**Journal of Islamic Educational Research (JIER)**  
**e-ISSN: 0128-2069**

**PEMETAAN PENGAJIAN AL-QUR'AN DI PERGURUAN TINGGI AGAMA ISLAM (PTAI):  
KAJIAN DI INSTITUT ILMU AL-QUR'AN (IIQ) JAKARTA-INDONESIA**

**THE MAPPING OF QURANIC STUDIES IN ISLAMIC HIGHER EDUCATION (PTAI):  
A STUDY AT INSTITUTE OF QURAN STUDIES (IIQ) JAKARTA-INDONESIA**

**Nurjanah Achmad\*, Mustaffa Abdullah\*\*, Mohamad Azrien Mohamed Adnan\*\*\***

Article Information	Abstract
<i>Received:</i> 19.08.2021	Pengajian al-Qur'an di Indonesia mengalami perkembangan pesat sejak kedatangan Islam ke Nusantara sehingga sekarang. Namun begitu, sukar ditemukan pemetaan pengajian al-Qur'an secara mendalam bagi kesinambungan pengembangan pengajian al-Qur'an di wilayah Perguruan Tinggi Agama Islam (PTAI). Oleh itu, penyelidikan ini bertujuan memetakan pengajian al-Qur'an yang merupakan sendi asas kepada pendidikan Islam lainnya. Kurikulum dan silibus pengajian al-Qur'an mesti bersambung dengan integrasi dari pelbagai disiplin ilmu untuk menguatkan keilmuan bidang pengajian al-Qur'an saat berada di era moden ini. Di samping itu, perbincangan lainnya seperti metode pengajaran, media pengajaran, bahan rujukan dan kaedah penilaian tidak dapat diabaikan begitu sahaja agar pengajian al-Qur'an setaraf dengan bidang pengajian arus perdana yang lain. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif, hasil penyelidikan ini mendapati bahawa pemetaan pengajian al-Qur'an di jabatan Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (IAT) Institut Ilmu al-Qur'an (IIQ) memiliki karakteristik yang khas berbeza dengan PTAI lainnya. Ianya dilakukan secara sistematis dan efektif sehingga menjadi pencetus tersohornya IIQ sebagai ikon kampus al-Qur'an di Indonesia.
<i>Accepted:</i> 23.02.2022	

**Kata Kunci:** Pemetaan, Pengajian al-Qur'an, Jabatan IAT, Institut Ilmu al-Qur'an (IIQ), PTAI.

The Quranic Studies in Indonesia has been rapidly evolving since Islam arrived in the archipelago. However, an extensive mapping of the Quranic Studies is difficult to find in order to sustain the development of the Quranic Studies in Islamic Higher Education (PTAI). This study therefore aims to map the study of the Quranic Studies that is the basis of other Islamic education. In order to enhance the scientific field in Quranic Studies during the modern era, it is necessary to link the curriculum and syllabus for the study of the Quran with the integration of different scientific disciplines. In addition, other discussions such as teaching methods, teaching media, reference materials and assessment methods cannot be ignored to be equivalent Quranic Studies with other areas of Islamic studies. By a descriptive qualitative approach, the results of this study have shown that mapping of the Quranic Studies in Department of al-Qur'an and Exegesis Science (IAT) of Institute of Quran Studies (IIQ) different characteristics from the other PTAIs. It was conducted systematically and effectively so that it became the originator of the famous IIQ as a Quranic campus icon in Indonesia.

**Keywords:** Mapping, Quranic Studies, Department of al-Qur'an and Exegesis Science (IAT), Institute of Quran Studies (IIQ), Islamic Higher Education (PTAI).

**Citation Information:** Achmad, N., Abdullah, M., & Mohamed Adnan, M. A. (2022). Pemetaan pengajian al-Qur'an di perguruan tinggi agama Islam (PTAI): Kajian di institut ilmu al-Qur'an (IIQ) Jakarta-Indonesia. *Journal of Islamic Educational Research*, 8, 1-12.

## PENGENALAN

Perguruan Tinggi Agama Islam (PTAI) di Indonesia merupakan wadah rasmi pengajian al-Qur'an secara ilmiah. Pengajian al-Qur'an berkembang pesat seiring dengan perkembangan masyarakat Indonesia sejak Islam bertapak di Indonesia sehingga zaman moden ini (Yatim, 2010). Pengajian al-Qur'an di PTAI secara khas disediakan oleh jabatan ilmu al-Qur'an dan Tafsir (IAT) Fakulti Usuluddin. Pengajian al-Qur'an pada jabatan ini boleh dianggap masih relatif muda jika dibandingkan dengan

\* PhD Candidate at Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Email: ummuayyas.na@gmail.com. ORCID: 0000-0001-8323-3755.


\*\* Associate Professor at Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Email: mustaffa@um.edu.my. ORCID: 0000-0002-3274-0287.

\*\*\* Language Teacher at Islamic Education Programme, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Email: mdazrien@um.edu.my. ORCID: 0000-0002-3578-3581.

disiplin ilmu yang lain. Dipahamkan, pada mulanya pengajian al-Qur'an bergabung dengan pengajian hadith dengan nama jabatan Tafsir Hadith. Susulan itu, keduanya diasingkan dengan jabatan berbeza dan fokus yang lebih spesifik yakni pada tahun 2015/2016, seiring adanya regulasi perkembangan di Kementerian Agama Republik Indonesia. Selanjutnya terdapat perubahan nomenklatur keilmuan di Kementerian Agama Republik Indonesia berdasarkan Surat Keputusan Direktor Jeneral Pendidikan Islam No. 4979 tahun 2014 bertarikh 5 September 2014, maka jabatan Tafsir Hadith dipecah menjadi dua jabatan yakni Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (IAT) dan Ilmu Hadith (ILHA).

Di jabatan IAT inilah hal ehwal pengajian al-Qur'an dibincangkan secara spesifik bermula dari pengajian al-Qur'an zaman klasik sehingga zaman kontemporeri. Jika ditempatkan pada skala global, pengajian al-Qur'an di jabatan ini berada di tengah atau sintesis wacana antara Timur dan Barat (Saputro, 2011). Namun di sisi lain, bentuk pengajaran yang diimplementasikan masih terikat dengan kaedah konvensional tanpa melihat kepada kaedah inovatif (Kurniawan *et al.*, 2012). Selain itu, perkembangan teknologi turut memberi kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran pengajian al-Qur'an di jabatan ini. Oleh itu, pensyarah perlu menaik taraf kemahiran yang sedia ada supaya objektif pengajaran mencapai sasaran. Kerana semua ini akan memberi impak kepada pencapaian pembelajaran pelajar seiring dengan kemajuan semasa.

Walhal, huraian secara rinci perkara-perkara tersebut yang dinamakan pemetaan. Kajian sebegini perlu dilaksanakan kerana tanpa pemetaan, pengajian al-Qur'an di jabatan IAT tidak dapat diteroka secara lebih mendalam. Justeru ia merupakan satu keperluan yang wajib untuk mengembangkan ilmu al-Quran yang selalu dikemas kini. Namun disebabkan olehkekangan masa dan kos perbelanjaan, penyelidik mengambil sampel PTAI iaitu di Institut Ilmu al-Qur'an (IIQ) Jakarta. Daripada institusi inilah penyelidik akan mengenal pasti pemetaan pengajian al-Qur'an dalam aspek kurikulum dan silibus. Selain itu, penyelidik juga meneroka aspek metode dan media pengajaran yang digunakan oleh pensyarah dalam kajian ilmu-ilmu al-Qur'an. Tidak ketinggalan, penyelidik pun meneroka sumber rujukan dan kaedah penilaian. Penyelidik melakarkan pemetaan pengajian al-Qur'an di IIQ seperti berikut:



Rajah 1: Pemetaan Pengajian al-Qur'an di IIQ

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Temu bual telah digunakan sebagai kaedah pungutan data utama dan disokong dengan penelitian dokumen penting yang berkaitan. Seramai lima orang informan telah ditemu bual. Berikut adalah jadual senarai informan dalam kajian ini.

Jadual 1: Senarai Informan

INFORMAN	KOD
Dekan Fakulti Usuluddin dan Dakwah Institut Ilmu al-Qur'an (IIQ)	DF
Ketua Jabatan Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (IAT) Institut Ilmu al-Qur'an (IIQ)	KJ
Pensyarah 1 di Jabatan Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (IAT) Institut Ilmu al-Qur'an (IIQ)	P1
Pensyarah 2 di Jabatan Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (IAT) Institut Ilmu al-Qur'an (IIQ)	P2
Pensyarah 3 di Jabatan Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (IAT) Institut Ilmu al-Qur'an (IIQ)	P3

Sementara metode analisis data yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan pendekatan yang telah dikemukakan oleh Miles *et al.* (2014) bahawa analisis data dalam kajian kualitatif dilakukan secara berterusan dan interaktif sehingga selesai.

## LAKARAN SEJARAH INSTITUT ILMU AL-QUR'AN (IIQ)

Berdasarkan buku pedoman akademik IIQ Jakarta tahun 2020-2024, penyelidik mendapatkan maklumat sejarah penubuhan IIQ. Atas gagasan al-Maghfurlah Prof. K.H. Ibrahim Hosen, Institut Ilmu al-Qur'an (IIQ) Jakarta ditubuhkan pada 12 Rabi'ul Awal 1397 H bersamaan dengan 1 April 1977 M oleh Yayasan Affan, yang diketuai oleh Hj. Sulaiman Affan. Kemudian sejak tahun 1983 hingga sekarang IIQ ditadbir oleh Yayasan IIQ, diketuai oleh Hjh. Harwini Joesoef. Pada mulanya IIQ membuka Program Master khusus untuk wanita dengan sokongan penuh daripada Gabenor di seluruh Indonesia untuk memenuhi seluruh tenaga khusus di pelbagai provinsi (negeri) dan dipersiapkan pula sebagai tenaga pengajar. Setelah meluluskan dua angkatan, IIQ membuka program Sarjana Muda (S1) tahun 1982.

IIQ merupakan lembaga pendidikan tinggi yang menggabungkan sistem pendidikan pesantren dan perguruan tinggi dengan orientasi mencetak ulama wanita yang hafal al-Qur'an, intelektual, berwawasan luas dan ahli di bidang al-Qur'an. Secara spesifik program S1 mendalami kajian dan pengembangan ilmu-ilmu al-Qur'an serta bidang keilmuan yang sesuai dengan jabatan (program studi).

Keberadaan IIQ telah melahirkan qariah dan hafizah yang mampu tampil di arena Musabaqah Tilawatil Qur'an (MTQ) Nasional maupun International. Pelajar yang tidak memiliki bakat sebagai qariah sekalipun tetap diharuskan mendalami ilmu Nagham (seni baca al-Qur'an) sebagai ilmu. Orientasinya iaitu pengembangan seni tilawah disertai pemahaman akan kandungan al-Qur'an dan Hadith dengan pendalamannya ilmu-ilmu pendukungnya dikemas dalam satu pakej pendidikan bertujuan menghasilkan sarjana al-Qur'an yang mampu memberikan sumbangan kepada masyarakat (Wikipedia, [https://id.wikipedia.org/wiki/Institut\\_Ilmu\\_Al-Qur%27an](https://id.wikipedia.org/wiki/Institut_Ilmu_Al-Qur%27an)).

Sepanjang penubuhannya, IIQ telah menunjukkan beberapa perkembangan yang memberangsangkan. Pada masa ini, IIQ memilik tiga fakulti dengan masing-masing dua jabatan (program studi). Fakulti Syariah memiliki dua jabatan iaitu Hukum Ekonomi Syariah (HES)/Muamalat dan Manajemen Zakat dan Wakaf. Fakulti Tarbiyah juga mempunyai dua jabatan iaitu Pendidikan Agama Islam dan Pendidikan Islam Anak Usia Dini. Fakulti Usuluddin dan Dakwah (FUD) pun mempunyai dua jabatan iaitu Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (IAT) dan Komunikasi dan Penyiaran Islam (Fakulti Usuluddin dan Dakwah IIQ, <https://iiq.ac.id/fud-iat>).

Perkembangan pengajian al-Quran di kampus ini menjadi semakin menarik apabila IIQ berjaya membuka program Doctoral (S3) atas banyaknya permintaan daripada ulama Indonesia, para tokoh dan masyarakat secara luas. Semua Program Pascasarjana di IIQ dimaksudkan untuk lebih mendalami dan mengembangkan *'Ulūm al-Qur'ān* dan *'Ulūm al-Hadīth* (Pasca Sarjana IIQ, <https://pps.iiq.ac.id>).

Sejak ditubuhkan sehingga ke hari ini, IIQ telah memberi imej positif kepada pelbagai pihak. Susulan itu, pengajian al-Qur'an yang ditawarkan sebaiknya diperkenalkan lebih luas lagi bagi membolehkan masyarakat Islam Indonesia yang berminat mengikuti pengajian di IIQ. Oleh itu, pemetaan pengajian al-Qur'an di IIQ secara mendalam, penyelidik haraikan dalam kajian ini seperti berikut.

## PEMETAAN KURIKULUM DAN SILIBUS

Istilah kurikulum berasal daripada perkataan Latin, *Curere*, yang bermaksud laluan atau jejak. Dalam erti kata lain ia bermaksud jurusan pengajian yang diikuti di sekolah (Hamzah, 1993). Kurikulum juga boleh bermaksud skop dan isi kandungan sesuatu mata pelajaran di sekolah dan lain-lain, senarai mata pelajaran (kursus pengajian) di sekolah dan lain-lain (Othman, 1989). Manakala penajaman kurikulum lebih lanjut dinamakan silibus, iaitu seperangkat rencana dan pengaturan mengenai tujuan, isi, dan bahan pelajaran serta cara yang digunakan sebagai pedoman penyelenggaraan kegiatan pembelajaran untuk mencapai tujuan pendidikan tertentu. Silibus terdiri dari deskripsi mata kuliah, satuan program pengajaran (SAP), tema dan sub tema setiap perkuliahan, referensi dan sistem evaluasi yang tepat.

Penyelidik telah membuat senarai kursus pengajian al-Qur'an di jabatan IAT IIQ berdasarkan kurikulum terbaru yakni *Kerangka Kualifikasi Nasional Indonesia (KKNI)* sebagaimana jadual 2 berikut:

Jadual 2: Senarai Kursus Pengajian al-Qur'an di Jabatan Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (IAT)  
Institut Ilmu al-Qur'an (IIQ) Jakarta

NO	NAMA KURSUS	SKS	HURAIAN
1	Ilmu Tajwid I	2	Pengetahuan dasar pelajar tentang ilmu tajwid meliputi pengertian tajwid, faedah mempelajari tajwid, hukum tajwid, adab membaca al-Qur'an, <i>al-kām al-hurūf</i> dan praktik membaca.

2	<i>Ulūm al-Qur'ān I</i>	2	Memberi pengetahuan dasar kepada pelajar tentang <i>Ulūm al-Qur'ān</i> secara am dan sejarah perkembangannya, al-Qur'an dan wahyu, <i>asbāb al-nuzūl</i> , <i>makkī</i> dan <i>madani</i> , kodifikasi al-Qur'an.
3	<i>Naghām al-Qur'ān I</i>	2	Mata kuliah ini memperkenalkan kaedah-kaedah <i>Naghām al-Qur'ān</i> . Dapat mengetahui dan mempraktikkan maqam Bayati dan Saba.
4	Ilmu Tajwid II	2	Memberitahukan tingkatan membaca al-Qur'an ( <i>marātib al-qirā'ah</i> ), <i>Ahkam al-Huruf</i> , hukum mim sukun, lam sukun dan mad.
5	<i>Ulūm al-Qur'ān II</i>	2	Memberi pengetahuan dasar kepada pelajar tentang <i>Ulūm al-Qur'ān</i> secara am seperti tertib ayat dan surah-surah, <i>fawātih al-suwar</i> , <i>munāsabah</i> , <i>muḥkam</i> dan <i>mutashābihāt</i> , kisah-kisah al-Qur'an, <i>amthāl</i> dan <i>aqsām al-Qur'ān</i> , <i>al-jadāl fī al-Qur'ān</i> , bahasa al-Qur'an, <i>i'jāz</i> dan bentuk-bentuk al-Quran, <i>'ām</i> dan <i>khās</i> , <i>muṭlaq</i> dan <i>muqayyad</i> .
6	Ilmu Qira'at I	2	Mengungkap dasar-dasar ilmu Qira'at dan sejarah perkembangannya.
7	<i>Naghām al-Qur'ān II</i>	2	Memperkenalkan dan mempraktikkan maqam Hijaz dan Nahawand.
8	Metodologi Tafsir al-Qur'an	2	Menyajikan perbahasan tentang dasar-dasar keilmuan yang berkaitan dengan tafsir al-Qur'an yang diterangkan seperti berikut: pengantar <i>uṣūl al-Tafsīr</i> , sejarah pembukuan dan perkembangan tafsir al-Qur'an sebelum masa pembukuan, sejarah perkembangan tafsir al-Qur'an setelah masa pembukuan, <i>tafsīr bi al-Ma'thūr</i> , kelebihan dan kekurangannya, <i>tafsīr bi al-Ra'y</i> , kelebihan dan kekurangannya, <i>tafsīr bi al-iṣhārī</i> , kelebihan dan kekurangannya. Metode dalam pentafsiran al-Qur'an: syarat mufasir, kajian <i>Israiliyat</i> , penyimpangan pentafsiran mazhab seperti Syiah, Khawarij, Murji'ah, Mu'tazilah, kajian terjemah al-Qur'an.
9	<i>Ulūm al-Qur'ān III (Tafsīr bi al-Ma'thūr)</i>	2	Membahas mengenai <i>tafsīr bi al-Ma'thūr</i> mulai dari definisi, penjelasan mengenai relasi al-Quran dan Sunnah, sejarah perkembangan <i>tafsīr bi al-Ma'thūr</i> , kodifikasinya di dalam kitab-kitab tafsir dan hadith, sebab-sebab yang melemahkan penafsiran <i>bi al-Ma'thūr</i> dan perhatian ulama terhadapnya.
10	Ilmu Qira'at II	2	Dapat memahami kaedah bacaan Imam Qira'at tujuh tentang <i>ha' kinayah</i> , dua hamzah dalam satu kata, dua hamzah dalam dua kata, <i>hamzah mufrad</i> , <i>al-sakin al-mafsal</i> dan <i>al-ta'rif</i> .
11	<i>Naghām al-Qur'ān III</i>	2	Memperkenalkan dan mempraktikkan maqam Rast dan Jiharkah.
12	Tafsir Tematik (Aqidah)	2	Memberi pengetahuan pelajar tentang ayat-ayat akidah seperti keyakinan Allah sebagai al-Illah, Allah sebagai Rabb, sifat-sifat Allah, keyakinan kepada malaikat, Nabi/Rasul, kitab suci, memahami keberadaan jin dan syaitan, memahami konsep ikhtiar, qada dan qadar, hari kiamat dan adanya alam akhirat, syurga dan neraka.
13	Ilmu Lughah	2	Membincangkan pengertian, pembahagian, metode, tujuan, perbezaan fonetik dan fonemik, morfologi, sintaksis, semantik bahasa Arab dan mazhab ilmu Lughah.
14	Qira'ah al-Kutub	2	Membaca kitab-kitab tafsir klasik dengan mengulas seputar metode, corak, karakteristik dan biografi penulisnya.
15	Metode Dakwah al-Qur'an	2	Membincangkan pengertian dakwah, komponen dakwah, hukum berdakwah, perkembangan ilmu dakwah, hubungan ilmu dakwah dengan ilmu lain, aktualisasi ilmu dakwah dalam masyarakat.
16	<i>Ulūm al-Qur'ān IV (Tafsīr bi al-Ra'y)</i>	2	Memberi pengetahuan kepada pelajar mengenai <i>tafsīr bi al-Ra'y</i> , tafsir atas dasar ijtihad. Mula dari definisi, sejarah kemunculannya dari zaman Nabi s.a.w. Sampai sekarang. Perdebatan ulama seputar <i>tafsīr bi al-Ra'y</i> , mengenai wilayah ijtihad, kaedah-kaedah dan syarat-syarat penafsiran serta contoh-contoh penafsiran.
17	Ilmu Qira'at III	2	Dapat memahami kaedah Imam Qira'at tujuh tentang nun mati, tanwin, <i>fath</i> , <i>imālah</i> , dan <i>taqlīl</i> , serta <i>ra'</i> dan <i>lam</i> .
18	<i>Naghām al-Qur'ān IV</i>	2	Menerapkan kaedah-kaedah <i>naghām al-Qur'ān</i> khususnya pada Sikah, bacaan ayat al-Qur'an yang berakhiran <i>mad 'iwad</i> dengan memakai Qira'at Sab'ah.
19	Tafsir Tematik (keluarga)	2	Pengenalan materi tentang tafsir ayat keluarga: khitbah, mahar, pernikahan beza agama, nafkah keluarga, akhlak dalam rumah tangga, hak dan kewajipan suami isteri, <i>nushuz</i> , poligami, <i>ila'</i> , <i>talaq</i> , dan <i>'iddah</i> .

20	Kajian Mushaf al-Qur'an	2	Membahas perkembangan mushaf al-Qur'an secara kronologis, serta hal-hal terkait penulisan dan percetakan mushaf seperti manuskrip, litografi, iluminasi, kertas mushaf, <i>layout</i> , dan tanda waqaf.
21	<i>Madhāhib al-Tafsīr</i>	2	Pengertian dan historisasi <i>madhāhib al-Tafsīr</i> , tafsir sunni, tafsir Syiah, tafsir Khawarij, tafsir Mu'tazilah, tafsir sufi, tafsir Batiniyah, tafsir Shafi'iyah, tafsir Hanafiyah, tafsir Malikiyah, tafsir Hanabilah dan tafsir Zhahiriyyah.
22	Kajian Tafsir Klasik	2	Mengenalkan kitab-kitab tafsir klasik dengan mengulas seputar metode, corak, karakteristik dan biografi penulisnya.
23	<i>Rasm Uthmānī</i>	2	Memberikan pengetahuan kepada pelajar tentang pengertian <i>Rasm Uthmānī</i> dari segi bahasa dan istilah, kepentingan mempelajari ilmu ini, sejarah Khat Arabi sebelum Islam, penulisan al-Qur'an pada masa Nabi dan sahabat, karakteristiknya, penyempurnaan penyelesaian al-Qur'an pada abad I dan II, persoalan-persoalan yang dibahas sekitar membuang huruf waw, ya dan nun, <i>ziyadatul harfi</i> , penulisan hamzah, dua bacaan atau lebih penulisan dan metode-metode yang dipakai pada masa kini.
24	Ilmu Qira'at IV	2	Menerapkan kaedah Imam Qira'at tujuh tentang <i>iżbār</i> dan <i>idghām</i> , <i>waqaf hamzah</i> dan <i>hisham</i> pada huruf <i>hamzah</i> .
25	Tafsir Tematik III (sosial)	2	Pengenalan tentang <i>tafsīr ijtimā'i</i> , etika menuntut ilmu, akhlak dengan tetangga, adab bertamu, larangan menghina, kekerasan atas nama agama, etika berdialog, tabayyun atas informasi, pertikaian dan cara berdamai, modernisasi dan toleransi, etika hubungan dengan non muslim.
26	<i>Qawā'id Tafsīr I</i>	2	Pengertian dan sumber-sumber <i>qawā'id tafsīr</i> , penggunaan <i>isim nakirah</i> dan <i>isim ma'rifah</i> , <i>mufrad</i> dan <i>jama'</i> , kata yang diduga <i>mutarādīf</i> , penggunaan kata <i>istīḥām</i> , <i>al-tikrār</i> dalam ayat, <i>hurūf al-'atāf</i> , <i>zāraf</i> dalam ayat al-Qur'an.
27	Studi Tafsir di Indonesia	2	Membahas tentang sejarah dimulainya wacana tafsir di Indonesia, fasa-fasa perkembangannya, peta pemikiran tafsir, metode dan corak tafsir, perbandingan dengan literatur yang ada di Timur Tengah. Hasil karya tafsir al-Qur'an di Indonesia dan mufasirnya, seperti: Tarjuman Mustafid, Marah Labid, al-Qur'an al-Karim, al-Furqan, al-Ibriz, al-Nur, al-Bayan, al-Huda, al-Azhar, al-Qur'an Bacaan Mulia, Rahmat, al-Misbah.
28	Metode Pembelajaran al-Qur'an	2	Membekali pelajar dengan pengetahuan tentang silibus, kurikulum, cara menentukan materi, metode mengajar dan sebagainya
29	Kajian Kitab Tafsir Kontemporerai	2	Pengenalan kitab tafsir kontemporerai dari sejak masa Muhammad Abduh sehingga sekarang, biografi penulis tafsir, aliran kalam, mazhab fikah, sumber pentafsiran, metode dan corak pentafsiran. Kitab tafsir kontemporerai: <i>al-Manār</i> , <i>Fī Zilāl al-Qur'ān</i> , <i>al-Marāghī</i> , <i>al-Mizān</i> , <i>al-Taḥrīr wa al-Tanwīr</i> , <i>al-Jawāhir fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm</i> , <i>al-Bayānī</i> , <i>al-Munīr</i> , <i>al-Wāṣīt</i> , <i>al-Asās fī al-Tafsīr</i> .
30	Metode Penterjemahan al-Qur'an	2	Memaparkan cara dan teknik dalam penterjemahan teks berbahasa Arab khususnya al-Qur'an. Penterjemahan kata per kata, semantik, dan lain-lain
31	Ilmu Qira'at V	2	Menerapkan kaedah Imam Qira'at tujuh tentang waqaf pada akhir kata, <i>ya' idāfah</i> dan <i>ya' zāidah</i> .
32	Tafsir Tahlili I	2	Merupakan studi kitab tafsir klasik. Pelajar membaca kitab tafsir dan menerapkan teori-teori penafsiran secara tahlili.
33	Qawa'id Tafsir II	2	Membincangkan syarat mufasir, kajian Israiliyyat, penyimpangan penafsiran mazhab seperti Syiah, Khawarij, Murji'ah, Mu'tazilah, kajian terjamah al-Qur'an
34	Metode Penelitian Ilmu al-Qur'an dan Tafsir	2	Mukadimah, pengertian dasar dan keperluan metodologi penelitian tafsir, bentuk dan corak penelitian tafsir, ilmu-ilmu bantu dalam penelitian tafsir, pendekatan sejarah dalam penelitian tafsir, pendekatan psikologi dalam penelitian tafsir, pendekatan sosiologi dan antropologi dalam penelitian tafsir, pendekatan semantik dalam penelitian tafsir, pendekatan hermeneutika dalam penelitian tafsir, pendekatan gender dalam penelitian tafsir, pendekatan politik dalam penelitian tafsir.
35	Semantik al-Qur'an	2	Kajian mengenai pengetahuan, jenis, perubahan, dan relasi antar makna. Mata kuliah ini mencakup pengertian, jenis, perubahan, relasi medan, dan komponen makna, <i>idiom</i> , perubahan, dan majaz.

36	Ilmu Balaghah	2	Memberikan pengetahuan tentang ilmu balaghah yang meliputi <i>bayān, ma’ani</i> dan <i>badi’, tashbih, aqsām, majāz, kalam khabar</i> dan <i>kalam inshā’, qasr, fasl, wasl, i’jāz</i> dan <i>iṭnāb</i> . Praktik dan latihan-latihan.
38	<i>al-Dakhīl fī al-Tafsīr</i>	2	Pengertian <i>al-Dakhīl fī al-Tafsīr</i> , penyebab kemunculan, tokoh yang dikenal sebagai <i>al-Dakhīl fī al-Tafsīr</i> . Impak <i>al-Dakhīl</i> terhadap penafsiran, <i>al-Dakhīl</i> dalam <i>tafsīr bi al-Ma’thūr, Israiliyat, al-Dakhīl</i> dalam <i>tafsīr bi al-Ra’yi, al-Dakhīl</i> dalam pentafsiran kontemporari, <i>al-Dakhīl</i> sebagai metodologi kritik tafsir.
39	Ilmu Qira’at VI	2	Praktik membaca bacaan Imam Qira’at tujuh. Mengklasifikasikan lafaz-lafaz yang terdapat perbezaan, menyusun sesuai urutan dan membaca secara keseluruhan.
39	Tafsir Tahlili II	2	Lanjutan membaca kitab tafsir dan menerapkan teori-teori penafsiran secara tahlili.
40	Studi Orientalis terhadap al-Qur'an	2	Mengenalkan model tafsiran hermeneutika dimulai dari definisinya, cara kerjanya, sejarah perkembangannya dan kontekstualisasi ajaran al-Qur'an.
41	Kajian <i>Living Qur'an</i>	2	Membahas pengamalan al-Qur'an dan hadith yang diinstitusikan dalam tradisi masyarakat, juga relasi antara agama dan budaya yang boleh memberikan solusi terhadap konflik masyarakat.
42	<i>al-Balāghah al-Qur'aniyyah</i>	2	Membahas sisi sastera dan keindahan ayat-ayat al-Qur'an.
43	Pemikiran Tafsir Kontemporari	2	Mengenalkan wacana-wacana kontemporari seputar tafsir.

Sumber: Buku Pedoman Akademik Program Strata Satu (S1) Institut Ilmu al-Qur'an (IIQ) Jakarta Tahun 2020-2024.

Menerusi jadual 2 di atas, materi perbahasan pengajian al-Qur'an di jabatan IAT IIQ disajikan secara menyeluruh dan bervariasi, bermula daripada kajian klasik sehingga kajian kontemporari. Kursus-kursus yang ditawarkan pula sebahagian besar bersifat teori. Namun, di akhir semester pelajar dilatih menulis ulasan tafsir atau karya tentang tafsir atau kajian al-Qur'an lainnya pada tugas akhir sebagai syarat bergraduasi. Adapun beban kredit yang diberikan kepada pelajar pada setiap kursus adalah 2 SKS (Sistem Kredit Semester). Distribusi kursus-kursus tersebut telah mempertimbangkan pencapaian-pencapaian tertentu sebagaimana termaktub dalam kurikulum yang dicanangkan di sebuah PTAI. Ini selari dengan pandangan Nik Pa (2007), pembahagian dalam penyusunan kurikulum menitikberatkan keperluan umat Islam untuk melahirkan graduan yang dinamik, tinggi kerohanian, luas keupayaan intelektualnya serta jelas kefahaman dalam memahami tasawwur Islam. Jamil (2004) juga menegaskan, ianya dilakukan untuk mencari dan menjana idea-idea baru yang berasas dalam menyelesaikan masalah-masalah kontemporari dan aktual di dalam masyarakat.

Walau bagaimanapun, pada segmen ini penyelidik juga mengambil kira daripada sumber data lain yakni hasil temu bual kepada informan-informan kajian. Dimaklumkan oleh informan P2, kurikulum pengajian al-Qur'an di Indonesia mengalami perubahan setiap lima tahun sekali. Lebih lanjut beliau menyatakan bahawa secara am pengajian al-Qur'an di IIQ dibezakan dalam dua kategori iaitu Pengajian al-Qur'an dan Pengajian Tafsir. Hal ini boleh disemak juga daripada buku Pedoman Akademik IIQ bahawa deskripsi kursus *Ulūm al-Qur'ān* meliputi *Ulūm al-Qur'ān* dan perkembangannya, sejarah turunnya al-Qur'an, *Asbāb al-Nuzūl, Munāsabah al-Ayāt, al-Makkī dan al-Madāni, al-Muḥkam dan al-Mutashābih, Qira’at al-Qur’ān, I’jāz al-Qur’ān, Tafsir, Takwil* dan Terjamah. Sementara, ayat-ayat yang dibahas dalam Pengajian Tafsir yang dipelajari mencakup sebahagian besar aspek kehidupan manusia, seperti tafsir ayat-ayat akidah, hukum dan sosial. Hal ini selaras dengan jawapan daripada informan P3 yang menyebutkan bahawa dalam bidang khas tafsir al-Qur'an, ianya bersumber dari kitab-kitab induk sehingga kepada tafsir yang bersifat kemasyarakatan. Walhal, informan P1 turut sama menyatakan bahawa Pengajian al-Qur'an dan Pengajian Tafsir di IIQ mengalami perkembangan yang cukup baik dalam penyusunan bahagian-bahagiannya sampai korelasinya dengan perkembangan yang ada di masyarakat. Oleh itu, sebelum memasuki kursus teras khas jabatan IAT dan untuk memahami suatu pentafsiran ayat al-Qur'an, pelajar membutuhkan pelbagai ilmu-ilmu yang berhubung kait dengannya. Pelajar diwajibkan mengikuti kursus yang meliputi bidang Bahasa Arab, *Uṣūl al-Fiqh, Ulūm al-Hadīth, Hadith* dan lain-lain. Hal ini menunjukkan bahawa kursus tersebut merupakan asas bagi setiap pelajar untuk menapaki tingkatan selanjutnya.

Adapun ilmu Nagham dan Ilmu Qira’at mendapat pengkhususan di IIQ berdasarkan perakuan daripada informan KJ. Ianya disajikan sebanyak enam semester. Ilmu ini telah lama menjadi daya tarikan pelajar-pelajar yang ingin mendaftar masuk ke IIQ. Justeru ilmu ini menjadi kursus khas di peringkat institusi, tidak terhad kepada pelajar jabatan IAT sahaja.

Di sisi lain, informan DF menyatakan bahawa IIQ sekarang sudah tidak lagi menggunakan pendekatan klasik sahaja. Atau dengan istilah, adanya penguatan tradisi teks dan konteks. Hal ini tampak dengan adanya kursus Studi Orientalis terhadap al-Qur'an, kursus Metode Penelitian Ilmu al-Qur'an dan Tafsir serta kursus Pemikiran Tafsir Kontemporari. Ketiga kursus ini diperkenalkan kepada pelajar jabatan IAT dalam masa yang belum lama, yang mana sebelum itu tidak pernah ditawarkan dalam kurikulum silih-silih jabatan IAT IIQ. Dalam ketiga-tiga kursus tersebut, di dalamnya wujud perbincangan tentang Hermeneutika. Walaupun Hermeneutika bukan sesuatu hal yang baru, namun Hermeneutika masih menimbulkan kontroversi sejak

diperkenalkan di PTAI. Hal ini sebagaimana kajian Wibowo (2017), yang mana para tokoh yang terlibat dalam pro dan kontra Hermeneutika meliputi kalangan akademik kampus, kaum intelektual dan ulama, para aktivis NGO Islam dan penggiat pengajian Islam pada umumnya. Bahkan menurut Husaini (2002) di sebahagian PTAI, idea tersebut dijulang sebagai nilai-nilai Islam dan mendapat tempat utama sebagai tumpuan pengajian al-Qur'an kontemporari. Beberapa tokoh ternama di dunia pendidikan Indonesia pula menjadi perintis dalam mengembangkan kajian tersebut. Di sisi lain, wujud pandangan dan kajian yang berbeza terhadap Hermeneutika. Kajian Kurniasih (2013) misalnya, berpendapat tidak boleh menolak untuk diperkenalkan kursus baru yang mengandung muatan humanistik, kontemporari dan ilmu-ilmu sosial seperti Hermeneutika, kebudayaan, pengajian agama, sensitiviti gender, filsafat ilmu dan sebagainya. Pelajar akan menderita ketika mereka keluar kampus dan berhadapan dengan realiti sosial kemasyarakatan dan realiti sosial keagamaan yang sangat kompleks.

Selain Hermeneutika, kursus lain yang diperkenalkan di IIQ adalah *Living al-Qur'an* sebagai pendekatan baru dalam pengajian al-Qur'an kontemporari dengan perspektif penelitian sosial. Sebagai pendekatan baru, *Living al-Qur'an* masih mencari bentuk untuk dapat dijadikan semacam acuan. Adanya *Living al-Qur'an* dianggap menjadi penyeimbang antara teks dan konteks dalam bidang pengajian al-Qur'an agar tidak statik tapi terus berjalan dan dinamis (Putra & Yasir, 2018). *Living al-Qur'an* iaitu kajian atau penelitian ilmiah tentang berbagai peristiwa sosial agama yang berkait dengan kehadiran al-Qur'an atau keberadaan al-Qur'an di sebuah komuniti Muslim tertentu. Dari sana akan terlihat respons sosial (realiti) komuniti Muslim tersebut untuk membuat hidup dan menghidupkan al-Qur'an melalui sebuah interaksi yang berkesinambungan. Mansur *et al.* (2007) menyatakan bahawa *Living al-Qur'an* sebenarnya bermula dari fenomena al-Quran dalam kehidupan sehari-hari, yakni makna dan fungsi al-Qur'an yang sebenar dipahami dan dialami oleh masyarakat Muslim. Pertanyaan awal yang sering muncul dalam penelitian *Living al-Qur'an* adalah bagaimana proses dan prosedur yang mesti dilakukan oleh seorang penyelidik ketika hendak melakukan penelitian *Living al-Qur'an*. Seorang penyelidik dituntut untuk peka melihat fenomena yang ada di masyarakat yang berkaitan dengan interaksi masyarakat dan al-Qur'an untuk kemudian dikaji dengan metode penelitian sosial. Adapun penelitian *Living al-Qur'an* termasuk ke ranah penelitian kualitatif. Secara umum, kerangka metodologi dalam penelitian *Living al-Qur'an* adalah lokasi, pendekatan perspektif, teknik pengumpulan data, teknik analisis data dan penyajian data (Mustaqim, 2014).

Sehubungan itu, penyelidik mempunyai pandangan bahawa Hermeneutika dan *Living al-Qur'an* adalah wujudnya pemetaan terbaru daripada aspek kurikulum dan silibus di IIQ. Ianya dilakukan untuk membuka harapan baru dalam mengejar ketinggalan dan sebagai upaya memberikan jawapan atas tantangan yang timbul di era global. Hal ini selaras dengan kajian Farida & Kusrini (2013) bahawa pendekatan Barat dalam kajian Islam perlu dipelajari untuk menambah khazanah keilmuan dan dapat memberikan pengetahuan baru terhadap bagaimana memahami teks serta penafsiran terhadap teks yang akan diteliti. Perkara ini turut disokong pula oleh kajian Hamdiah (2015) yang menawarkan sebuah wacana keperluan adanya pemetaan semula 'Ulām al-Qur'ān di PTAI. Dengan demikian, maka konsep pengajian al-Qur'an sebagai kajian yang universal akan dapat diwujudkan secara nyata. Pandangan yang sama juga telah lama disampaikan oleh Abdulllah (2006). Beliau telah menawarkan kursus kemanusiaan kontemporari dan ilmu-ilmu sosial lainnya pada Fakulti Syari'ah. Namun Fakulti Tarbiyah, Dakwah, Adab dan Usuluddin dibolehkan ditawarkan dalam kurikulum dan silibusnya jika mempunyai tujuan yang sama.

Walau bagaimanapun, pemetaan kurikulum dan silibus di institusi kajian ini telah mempunyai cara tersendiri dalam meramu materi di setiap kursus yang akan diajarkan. Berdasarkan maklumat daripada informan KJ, pengajian al-Qur'an di IIQ memiliki keistimewaan, mempertahankan tradisi lama dalam pembacaan literatur klasik daripada para ulama terdahulu seperti Manna al-Qattan, metode dan urutan pembahasannya. Bukan itu sahaja, malah informan P3 menambahkan bahawa IIQ tidak meninggalkan kajian-kajian kontemporari sehingga pelajar memiliki kelayakan kemahiran terkini dalam pengajian al-Qur'an di zaman moden ini.

Dengan demikian, boleh disimpulkan bahawa pemetaan kurikulum dan silibus di IIQ telah mencapai keselarasan antara kajian klasik dan kontemporari. Penyelidik melihat perkara tersebut telah dilakukan secara berkadar oleh pihak IIQ. Hanya sahaja, pada saat penyampaian materi kursus-kursus kontemporari dalam pengajian al-Qur'an mesti diawasi dengan cermat. Jika tidak, akan ikut memberi kesan terhadap pelajar. Pendedahan kajian kontemporari secara berlebihan banyak menyebabkan pelajar terpesong jauh. Lama kelamaan ianya boleh menjadi suatu kelompok yang menganggap sebagai pejuang pembaharuan pemikiran Islam (Rachman, 2008). Kelompok ini bukan sahaja dipenuhi oleh pelajar bahkan pensyarah pun ada yang ikut bersama. Kebanyakan daripada mereka terbelenggu oleh semangat berfikir Barat yang hanya tergantung kepada akal dan rasional (Mohammad Nor & Fadhil, 2006). Dengan segala kebolehan yang dimiliki pensyarah dan peran utama yang diberikan kepadanya, pensyarah mesti berusaha kuat untuk bersungguh-sungguh mengambil sikap. Jika pensyarah masih keliru berhubungan isu ini, ia akan memberi kesan kepada kefahaman pelajar untuk memahami dengan benar.

## **PEMETAAN METODE PENGAJARAN**

Dalam dunia pendidikan, setelah kurikulum, hal lain yang terpenting adalah strategi belajar mengajar. Ilmu tersebut dinamakan pedagogi menurut Ee Ah Maeng (1993). Ia merupakan alat untuk menyampaikan sesuatu maklumat tentang ilmu pengetahuan yang lebih efektif dan berstruktur, bahkan ia dianggap sebagai seni mengajar.

Strategi belajar mengajar pada pengajian al-Qur'an di PTAI sebenarnya menggambarkan kepada aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan oleh pensyarah dan pelajar. Selain itu juga mengambil kira kaedah penyampaian dan pembelajaran yang diguna pakai sepanjang proses pengajian berlangsung. Teknik dan pendekatan merupakan aspek yang perlu dilihat bagi mensabitkan kejayaan sesuatu pengajian. Dengan erti kata lain ia merupakan alat penghubung atau penggerak dua hala iaitu daripada pihak pengajar dan pelajar, yang sifatnya senantiasa berinteraksi dan pengaruh mempengaruhi antara satu sama lain.

Salah satu langkah untuk memiliki strategi adalah harus menguasai teknik-teknik penyajian atau yang biasa disebut metode mengajar (Roestiyah, 2001). Menerusi Buku Pedoman Akademik yang dibekalkan di IIQ, pemilihan kaedah pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran mengikut budi bicara seorang guru dan ianya tidak ditetapkan. Penyelidik mempunyai pandangan bahawa pensyarah menggunakan dua atau tiga metode bahkan lebih. Hal ini diperkuuhkan lagi dengan dapatan analisis dokumen sebagaimana dalam jadual 3 berikut:

Jadual 3: Metode Pengajaran Pengajian al-Qur'an  
Jabatan Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (IAT) Institut Ilmu al-Qur'an (IIQ) Jakarta

<b>BAHAN</b>	<b>METODE</b>
Memiliki kemampuan melafazkan al-Qur'an dan al-Hadith secara benar	Ceramah, demonstrasi, praktikum, pembentangan
Pengetahuan tentang <i>Ulum al-Qur'an</i>	Ceramah, soal jawab, pembentangan, seminar
Pengetahuan tentang kaedah dan metode pentafsiran	Ceramah, soal jawab, penyelidikan, seminar, diskusi, praktikum
Menganalisis tentang isu-isu kontemporari	Ceramah, penyelidikan, seminar, diskusi
Menganalisis tentang pentafsiran tekstual dan kontekstual	Ceramah, penyelidikan, seminar, diskusi, kertas kerja
Menunjukkan kemampuan menulis karya ilmiah yang berhubung kait dengan al-Qur'an dan tafsir	Kertas kerja, praktikum, latihan ilmiah

Sumber: Buku Pedoman Akademik Program Strata Satu (S1) Institut Ilmu al-Qur'an (IIQ) Jakarta Tahun 2020-2024.

Bagi mengenal pasti secara lebih mendalam tentang pemetaan metode pengajaran yang digunakan oleh IIQ, proses temu bual dilaksanakan dalam kajian ini. Hasil daripada temu bual yang dilaksanakan, didapati terdapat beberapa metode pengajaran yang diaplikasikan oleh pensyarah selaras dengan metode pengajaran yang digariskan oleh IIQ menerusi Buku Pedoman Akademik, iaitu:

1. Metode Ceramah atau Syarahan (kuliah) adalah penuturan bahan pelajaran secara lisan. Metode ini disokong oleh alat dan media untuk pembelajaran yang informatif (Syah *et al.*, 2009). Metode inilah yang paling kerap digunakan oleh pensyarah di IIQ (informan KJ, P2, P3).
2. Metode Pemberian Tugas adalah penyajian bahan pelajaran dengan memberikan tugas tertentu kepada pelajar yang dapat dilakukan di dalam atau luar kelas seperti bengkel, makmal, atau di rumah (Syah *et al.*, 2009). Metode ini menjadi pilihan kedua pensyarah di IIQ (informan P1). Kemudian dilanjutkan dengan perbincangan (diskusi).
3. Metode Diskusi adalah suatu cara penyajian bahan pelajaran di mana seorang pensyarah memberikan kesempatan kepada pelajar untuk membuat kelompok-kelompok belajar untuk mengadakan perbincangan ilmiah untuk mengumpulkan pendapat, membuat kesimpulan atau menyusun alternatif pemecahan atas suatu masalah (Syah *et al.*, 2009).
4. Metode Soal Jawab atau Dialog adalah cara penyajian pengajaran oleh *pensyarah* dengan memberikan pertanyaan dan meminta jawapan kepada pelajar. Ianya boleh meningkatkan rangsangan fikiran pelajar sehingga boleh berpendapat dengan fikiran masing-masing (Ishak, 1995).
5. Metode Kerja Lapangan (*Research*) ialah cara mengajar dengan mengajak pelajar ke suatu tempat di luar sekolah yang bertujuan bukan sekadar peninjauan sahaja tetapi langsung terjun turut aktif ke lapangan kerja supaya pelajar dapat menghayati sendiri pekerjaan yang ada di masyarakat serta melakukan penyelidikan (Roestiyah, 2001). Metode ini merupakan pilihan daripada salah seorang pensyarah IIQ (informan P1).
6. Metode Demonstrasi adalah dilakukan oleh seorang pensyarah atau pelajar atau orang lain yang diperlihatkan pada seluruh kelas tentang suatu proses atau suatu tata cara/*kaifiyah* melakukan sesuatu (Ishak, 1995).
7. Metode Seminar atau Simposium iaitu menyerupai panel hanya sifatnya lebih formal. Seorang anggota simposium harus mengemukakan pandangannya terlebih dahulu. Namun demikian boleh juga menentukan sebuah persoalan terlebih dahulu. Pendengar biasanya diberikan kesempatan untuk memberikan pandangan dan pertanyaan-pertanyaan. Orang yang diberikan kesempatan terakhir ialah pembicara untuk memberikan pandangan balasan. Dalam teknik ini, moderator tidaklah seaktif seperti pada panel. Ia banyak menyelaraskan pembicaraan sahaja (Ishak, 1995).
8. Metode Menulis Latihan Ilmiah ialah metode pengajaran yang sangat jarang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, menurut penyelidik kaedah ini turut memberi kesan kepada pelajar. Jika sejak awal perkuliahan pelajar telah diajarkan

dan dilatih menulis artikel, maka di akhir semester pelajar akan lebih mudah menulis tugas akhir sebagai syarat bergraduasi.

Kesimpulannya, apa pun metode yang digunakan pakai pensyarah bertujuan untuk memudahkan transformasi pengetahuan, terarahnya penelusuran keaslian sumber referensi dan tentunya mengikuti perkembangan zaman. Seperti sekarang ini, dunia dilanda wabak Covid-19 yang sudah pasti menuntut pensyarah mencari strategi pembelajaran yang dilakukan bukan sahaja di dalam kelas. Tetapi ianya menggunakan mode pembelajaran online seperti *Zoom*, *Google Meet (GM)* dan *e-learning module* dan sebagainya. Semuanya tentu disesuaikan dengan kursus-kursus yang akan diajarkan.

## **PEMETAAN MEDIA PENGAJARAN**

Setiap metode mengajar mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing. Pensyarah tidak mesti terpaku hanya dengan satu metode untuk membuat suatu kesimpulan dari pembahasan materi. Metode-metode tersebut harus dibantu pula dengan media pengajaran.

Kata media berasal dari Bahasa Latin “*Medius*” yang secara harfiah bererti tengah atau pengantar. Selain itu maknanya adalah alat atau sarana yang digunakan untuk menyampaikan pesan dari komunikator kepada khalayak (Cangara, 2006). Jadi yang dimaksudkan media pengajaran adalah akses intelektual berupa sarana pemindahan ilmu daripada guru kepada pelajar.

Penggunaan media pembelajaran ini memudahkan para pelajar memahami isi pengajaran. Ianya juga berkesan dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan dan mudah difahami oleh pelajar sehingga mencapai tujuan belajar yang ditetapkan (Azizan & Habib, 1998). Penghasilan suatu media pembelajaran pula hendaknya dilakukan dengan rancangan yang teliti bermula dari proses memilih bahan, mengolah, membina, menggunakan dan menilai bagi memastikan objek pengajaran dan pembelajaran tercapai (Nurrita, 2018).

Kajian Harun (1999) terhadap penggunaan multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran menyatakan bahawa penggunaan multimedia menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik, kreatif, mudah, memberikan motivasi, animasi, interaktif dan pembelajaran yang menyeronokkan. Dengan multimedia, pendidik bukan lagi sebagai pemberi syarahan dan latihan membaca semata-mata. Keputusan ini juga amat bersesuaian dengan pendapat Mok Son Sang (1995), penggunaan media pembelajaran merupakan sebahagian daripada usaha untuk memberangsangkan minat dan tumpuan pelajar terhadap pengajaran serta mempertingkatkan prestasi seterusnya menjamin pemerolehan pengetahuan dan kemahiran oleh pelajar.

Justeru, IIQ telah menyediakan pelbagai jenis media pengajaran yang terdiri daripada papan tulis, projektor, laptop/komputer, modul perkuliahan, kertas kerja dan sebagainya. Hal ini sebagaimana perakuan daripada seluruh informan yang ditemui bual. Berikut kenyataan daripada salah satu informan yakni informan P1:

*“di kampus IIQ Jakarta telah disediakan in focus dan white board, media bantuan yang saya gunakan untuk pengajaran studi ilmu al-Qur'an antara lain: laptop/komputer, in focus dan projektor, white board, modul perkuliahan, IIQ Press”*

Walau bagaimanapun, apabila dalam satu dan hal lain media tidak dapat menjalankan sebagaimana fungsinya sebagai penyalur pesan yang diharapkan, maka media tersebut tidak efektif dalam erti tidak mampu mengkomunikasikan isi pesan yang diinginkan dan disampaikan oleh sumber kepada sasaran yang ingin dicapai. Oleh itu, media pembelajaran boleh ditukar atau berubah sesuai keperluan, apatah lagi di musim pandemik sekarang ini. Hal ini berdasarkan kenyataan daripada informan P2 berikut:

*“makalah yang dipresentasikan, slide presentasi yang dipresentasikan melalui in focus, white board dan marker pen, video-video terkait tema pembelajaran, whatsapp group sebagai komunikasi, literatur-literatur pdf yang dimuat turun daripada internet, selain buku dan kitab sebagai sumber utama perkuliahan yang hardcopy. Itu pembelajaran di kelas, tetapi jika terpaksa menggunakan pembelajaran jarak jauh maka digunakan media pembelajaran online video conference zoom dan e-learning module”*

Dengan demikian, dapat disimpulkan bahawa pensyarah telah mencuba sedaya upaya untuk sentiasa menyediakan bahan dan media pengajaran untuk memastikan setiap pelajar dapat menguasai pengajaran. Malah, hal tersebut selaras dengan apa yang telah digariskan oleh Buku Pedoman Akademik IIQ yang bertujuan untuk menggalakkan penglibatan aktif pelajar dan dapat menimbulkan suasana pembelajaran yang seronok serta menarik.

## **PEMETAAN SUMBER RUJUKAN**

Di beberapa PTAI, pengajaran al-Qur'an masih menampakkan merujuk pada sumber-sumber original. Justeru, di IIQ pun, media pengajaran secara visual seperti buku, jurnal, latihan ilmiah dan kertas kerja tetap banyak menggunakan sumber rujukan asal daripada pelbagai literatur klasik dan kontemporari. Selain itu, digunakan juga kitab induk ilmu-ilmu al-Qur'an karya ulama

Indonesia. Dan, naskah kitab al-Qur'an yang dijadikan panduan adalah al-Qur'an dan tafsirnya yang dikeluarkan oleh Department Agama Republik Indonesia. Maklumat tersebut penyelidik dapat daripada buku pedoman akademik IIQ.

Dapatkan temu bual juga membuktikan bahawa sumber rujukan pengajian al-Qur'an di IIQ adalah kitab-kitab muktabar dalam bidang ilmu al-Qur'an seperti karya *al-Qaṭṭān*, *al-Dhabābi*, *al-Zarkashī*, *al-Šābūnī* dan sebagainya (informan KJ, P1 dan P2). Seperkara lagi, didapati dalam dapatkan temu bual berkaitan sumber rujukan ialah adanya pemakaian buku-buku karya ulama serta pakar ilmu al-Qur'an kontemporari selain daripada penggunaan kitab-kitab induk ilmu al-Qur'an (informan P3).

Oleh itu, dapatlah difahami hasil temu bual dan dokumen analisis adalah selaras. Pemilihan sumber rujukan sama ada klasik mahupun kontemporari adalah jalan yang tepat diguna pakai pada masa moden ini. Atau juga penggabungan kedua sumber tersebut menjadi alat untuk memahami al-Qur'an secara tekstual dan kontekstual dengan lebih baik dan berkesan. Penggunaan kedua-dua kitab tersebut sebagai rujukan utama dalam pengajian al-Qur'an adalah selaras dengan kajian Saputro (2011). Menurutnya, sejak adanya pemisahan jabatan Tafsir Hadith dari Fakulti Syariah di PTAI, referensi yang digunakan adalah buku *'Ulūm al-Qur'an* klasik. Namun, tidak semua pelajar mahir mengunyah bahasa Arab. Susulan itu, beberapa penerbit berinisiatif mengalihbahaskan beberapa buku *'Ulūm al-Qur'an* ke dalam bahasa Indonesia, seperti *Mabāḥiḥ fi 'Ulūm al-Qur'an* sama ada karya *Mannā' al-Qaṭṭān* mahupun *Subḥī Sāliḥ* yang telah diterjemahkan dengan tajuk Studi Ilmu-Ilmu Qur'an dan Membahas Ilmu-Ilmu al-Qur'an. Malah, didapati pula jabatan Tafsir Hadith di Indonesia mula diwarnai dengan sumber rujukan daripada terobosan paradigma para pemikir jazirah Arab yang memakai pendekatan ilmu-ilmu sosial, seperti Amina Wadud, Farid Esack dan Muhammad Shahrur. Ini terjadi sekitar tahun 2000-an, seiring lahirnya graduan sarjana Indonesia daripada pusat-pusat *Islamic Studies* dari pelbagai belahan dunia.

Menurut penyelidik, sumber rujukan tersebut mesti dicermati oleh pensyarah dan pelajar. Adanya penggunaan pendekatan Barat, tetapi perlu wajib merujuk kitab-kitab muktabar ulama klasik. Komitmen untuk menggunakan sumber utama rujukan kitab Arab merupakan hal yang paling mustahak dalam setiap proses pengajaran & pembelajaran dalam pengajian al-Qur'an. Oleh itu, sikap pensyarah dan pelajar harus selalu responsif terhadap perkembangan zaman dengan berbagai macam isu yang mengelilinginya. Termasuk paradigma pengajian al-Qur'an yang tidak luput daripada sorotan pemikir-pemikir kontemporari. Walaupun hal yang paling disoroti ialah mengenai paradigma keilmuan fikah tetapi tetap sahaja '*Ulūm al-Dīn* khususnya ilmu al-Qur'an tetap berimplikasi pada kajian-kajian keislaman di PTAI. Kerana pada masa ini, pengajian al-Qur'an tidak boleh disajikan hanya dengan menggunakan satu paradigma, tetapi mesti multi paradigma. Dengan demikian, keilmuan pengajian al-Qur'an yang sementara ini dilakukan dalam sistem keilmuan yang sebahagian, mesti diubah dengan penggunaan paradigma dan pendekatan holistik, yakni pendekatan yang menjadikan keilmuan pengajian al-Qur'an dalam satu kesatuan yang terpadu, untuk menghindari impak yang paling negatif dari akibat pengajian al-Qur'an yang sebahagian tadi.

Pendekatan holistik dalam pengajian al-Qur'an pada sisi lain diperlukan untuk menjawab permasalahan-permasalahan kontemporari yang belum ditemukan pada masa sebelumnya. Apalagi, impak modernisasi yang semakin tidak menentu seperti sekarang, tidak cukup diselesaikan dengan hanya menggunakan literatur-literatur klasik, melainkan diperlukan pentafsiran terhadap ajaran al-Qur'an supaya doktrin agama tidak tertinggal dari realiti dan keperluan hidup masyarakatnya.

Walhal, pendedahan sumber rujukan daripada luar tradisi Islam di PTAI perlu diawasi dengan cermat. Oleh itu, pemetaan sumber rujukan mesti dilakukan penilaian sama ada dilaksanakan secara terhad ataupun meluas untuk terus bertahan dan bersaing di mana ledakan era globalisasi terdengar di setiap penjuru masyarakat.

## PEMETAAN KAEDAH PENILAIAN

Setiap akhir semester dilakukan evaluasi terhadap seluruh beban pengajian yang diambil dari seorang pelajar pada semester tersebut. Hasil evaluasi ini disebut Indeks Prestasi Semester (IPS) dan Indeks Prestasi Kumulatif (IPK). Evaluasi semester ini terdiri dari akomodasi pelbagai komponen iaitu kehadiran, pembentangan kertas kerja, ujian formatif, ujian tengah semester (UTS), kegiatan praktikum atau tugas-tugas lain dan ujian akhir semester (UAS).

Berdasarkan Buku Pedoman Akademik, kaedah penilaian di IIQ, dilakukan dalam tiga peringkat:

1) Sistem penilaian akademik. Pengambilan nilai akhir setelah melalui lima kategori iaitu:

- |  |       |
|--|-------|
| a. Kehadiran dan keaktifan di kelas          | : 10% |
| b. Ujian kecil atau sisipan                  | : 10% |
| c. Ujian pertengahan semester                | : 20% |
| d. Tugasan akademik kertas kerja dan diskusi | : 20% |
| e. Ujian akhir semester                      | : 40% |

2) Jenis penilaian. Jenis penilaian dari segi waktu pengajaran dan pembelajaran yang meliputi:

- a. Pengamatan (keaktifan belajar).

- b. Kuiz (*quiz*).
  - c. Portfolio, kumpulan beberapa dokumen yang berisi tugas-tugas yang berhubung kait dengan pengajian tafsir.
  - d. Tugas kertas kerja, resume, dan lain-lain.
  - e. Penilaian prestasi, terkait dengan kemampuan persembahan kertas kerja, keaktifan dan penyertaan dalam kelas.
  - f. Ujian bertulis dalam bentuk ujian pertengahan semester dan ujian akhir semester yang bentuk soalan berstruktur.
  - g. Ujian hafazan (*takrir* hafazan per individu) untuk materi praktik.
- 3) Standard penilaian. Dalam perkuliahan di IIQ, standard penilaian menggunakan format angka dan huruf dengan interval tertinggi dan terendah sebagai berikut:

Jadual 4: Standard Penilaian  
Jabatan Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (IAT) Institut Ilmu al-Qur'an (IIQ) Jakarta

<b>NILAI ANGKA</b>	<b>NILAI HURUF</b>	<b>NILAI KREDIT</b>	<b>KETERANGAN</b>
80 – 100	A	4.00	LULUS
70 – 79	B	3.00	LULUS
60 – 69	C	2.00	LULUS
50 – 59	D	1.00	TIDAK LULUS
40 – 49	E	0.00	TIDAK LULUS

Sumber: Buku Pedoman Akademik Program Strata Satu (S1) Institut Ilmu al-Qur'an (IIQ) Jakarta Tahun 2020-2024.

Justeru, hasil dapatan daripada temu bual mendapatkan maklumat pensyarah daripada IIQ (informan P1, P2 dan P3) berpandangan kehadiran menjadi syarat awal untuk menilai hasil pembelajaran seorang pelajar. Kemudian diikuti dengan syarat membuat tugas kertas kerja. Adapun peratusan nilai UTS (Ujian Tengah Semester) dan UAS (Ujian Akhir Semester) diberikan oleh informan kajian diselaraskan dengan buku pedoman akademik yang diberikan oleh pihak kampus.

Walhal, menurut penyelidik, pada prinsipnya kehadiran saat perkuliahan sangat penting. Dengan kehadiran serta fokus mengikuti kuliah akan memberikan pengetahuan mendasar bagi pelajar. Kemudian diikuti dengan keaktifan selama proses pembelajaran dan pengajaran di kelas dengan adanya diskusi (perbincangan) sehingga dapat melihat sejauh mana pelajar memahami tema yang dikaji dalam pengajian al-Qur'an. Hal ini selaras dengan jawapan daripada informan P2 dan P3. Turut diperkuuh dengan perakuan daripada informan P1 berikut:

*"kemampuan pelajar dalam menjawab soal-soal baik Ujian Tengah Semester (UTS) maupun Ujian Akhir Semester (UAS), kemampuan pelajar menyerap mata kuliah terlihat dengan jelas dalam perbincangan (diskusi) kelompok di kelas, kemampuan pelajar dalam menyelesaikan tugas penyusunan makalah, artikel, PPT dan membuat resume dari suatu topik tertentu"*

Dengan demikian, untuk mengukur tingkat keberhasilan seorang pelajar dalam proses pengajaran & pembelajaran maka diperlukan kaedah penilaian sebagaimana yang telah disebutkan oleh informan-informan di atas. Walau bagaimanapun, perlu diketahui pula letak peranan pensyarah dalam meningkatkan pencapaian sasaran kualiti perguruan tinggi. Dengan kata lain, peran pensyarah dalam meningkatkan capaian sasaran kualiti diawali dengan menyusun sasaran kualiti kursus yang diajarnya. Sasaran kualiti pendidikan ini perlu dituangkan dalam pedoman perkuliahan untuk pelajar, hal ini dimaksudkan agar pelajar pun mengetahui dan mampu melakukan kawalan terhadap pensyarah dalam mengajar.

## KESIMPULAN

Penyelidik dapat menyimpulkan bahawa pemetaan pengajian al-Qur'an di IIQ memiliki karakteristik yang khas berbeza dengan PTAI lainnya. Kurikulum dan silibus pengajian al-Qur'an dikemaskini setiap lima tahun sekali. Ianya telah terhubung dengan integrasi dari pelbagai disiplin ilmu, menguatkan keilmuan bidang pengajian al-Qur'an saat memasuki era moden ini. Sementara metode pengajaran di IIQ dilakukan secara sistematik yang membawa ke arah keberkesanan pengajaran dan melahirkan prestasi pelajar cemerlang. Bahan rujukan pula menggabungkan kitab-kitab *turath* dan kontemporari memantapkan lagi kefahaman para penuntut ilmu al-Qur'an. Manakala media pengajaran dengan memanfaatkan penggunaan ICT yang sangat berperan dalam masa moden ini apatah lagi dengan keadaan negara di seluruh dunia terserang wabak Covid-19. Seterusnya, penetapan kaedah penilaian di IIQ telah memenuhi syarat kompetensi pelajar yang berkesan memenuhi tuntutan rohani dan jasmani pelajar selaras dengan matlamat falsafah Pendidikan Islam. Walhal, kesemuanya telah mengorak langkah IIQ sehingga menjadi pencetus tersohornya IIQ di Indonesia.

## Research and Publication Ethics Statement

Ethics research conducted by the researchers with obtaining verbal consent from informants to gain commitment in providing data to the researchers. Then the researchers also used the official letter to build a good relationship with IIQ as a research site.

It aims for credibility, applying for future data addition assistance and providing opportunities to get detailed information about the research being conducted. While the publication of this research has also been reviewed by the editor of the journal. Therefore, this research complies with the research and publication ethics established by JIER Journal.

### **Contribution Rates of Authors to the Article**

The three authors in this research have their own areas of expertise, thus resulting in article writing collaborations in various disciplines.

### **Statement of Interest**

No potential conflict of interest was reported by the authors.

### **References**

- Abdullah, A. (2006). *Islamic studies di perguruan tinggi: Pendekatan integratif-interkoneksi*. Pustaka Pelajar.
- Azizan, R. & Habib, A.R. (1998). *Pengajaran dalam bilik darjah: Kaedah dan strategi*. Masa Enterprise.
- Buku Pedoman Akademik Program Strata Satu (S1) Institut Ilmu al-Qur'an (IIQ) Jakarta. (2020-2024).
- Cangara, H. (2006). *Pengantar ilmu komunikasi*. Raja Grafindo.
- Ee Ah Maeng. (1993). *Pedagogi: Satu pendekatan bersepada*. Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Fakulti Usuluddin dan Dakwah (FUD) IIQ. (2020, Jun 13). <https://iiq.ac.id/fud-iat>.
- Farida, E.N. & Kusrini. (2013). Studi Islam pendekatan hermeneutik. *Jurnal Penelitian* 7(2).
- Hamdiah. (2015). Re-mapping pendidikan 'ulum al-Qur'an di perguruan tinggi agama Islam (PTAI). *Jurnal Ilmiah Islam Futura* 15(1), 40-53.
- Hamzah, M.D. (1993). *Penerokaan teori kurikulum*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Husaini, A. (2002). *Islam liberal: Sejarah, konsepsi, penyimpangan dan jawabannya*. Gema Insani Press.
- Ishak, A. (1995). *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamil, H. (2004). *Pengantar kaedah mengajar mata pelajaran ilmu kemanusiaan*. Karisma Publication.
- Kurniasih, A. (2013). Pendekatan studi Islam di perguruan tinggi Islam. *As-Salam* 3(1).
- Kurniawan, Y., Abdullah, M., Zakaria, K., Abdullah, W.M.W. (2012). Mengapa pelajar takut bertanya dalam kuliah: Sebuah kajian di Universiti Malaysia Kelantan. *Jurnal Personalia Pelajar* 15(13), 13-22.
- Mansur, M., Chirzin, M., Yusuf, M., Mustaqim, A., Suryadilaga, M. A., Najwah, N. (2007). *Metodologi penelitian living Qur'an dan hadis*. TH Press.
- Miles, M.B., Huberman, A.M., & Saldana, J. (2014). *Qualitative data analysis: A methods sourcebook*. SAGE Publications.
- Mohammad Nor & Fadhil, A.A. (2006). *Siri serangan pemikiran: Islam liberal dan pluralisme agama*. MHI Publication.
- Mok Son Sang. (1995). *Asas pendidikan 1: Pedagogi sebagai suatu proses*. Kumpulan Budiman.
- Mustaqim, A. (2014). *Metode penelitian al-Qur'an dan tafsir*. Idea Press.
- Nik Pa, N.A. (2007). *Isu-isu kritis dalam pengajaran Islam dan pendidikan Bahasa Arab*. Hazrah Enterprise.
- Nurrita, T. (2018). Pengembangan media pembelajaran untuk meningkatkan hasil belajar siswa, *Misykat*, 3(1), 171-187.
- Othman, S. (1989). *Kamus Besar*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pasca Sarjana IIQ. (2020, Jun 13). <https://pps.iiq.ac.id>.
- Putra, A. & Yasir, M. (2018). Kajian al-Qur'an di Indonesia: dari studi teks ke living Qur'an. *Majalah Ilmu Pengetahuan dan Pemikiran Keagamaan Tajdid* 21(2), 13-22.
- Rachman, B.M. (2008). *Pembaruan pemikiran Islam Nurcholish Madjid dan isu-isu gender*. NCMS.
- Roestiyah, N.K. (2001). *Strategi belajar mengajar*. Rineka Cipta.
- Saputro, M.E. (2011). Alternatif tren studi Qur'an di Indonesia. *Jurnal al-Tahrir* 11(1), 1-27, DOI : 10.21154/al-tahrir.v11i1.24.
- Syah, D., Supardi & Eneng, M. (2009). *Strategi belajar mengajar*. Diadit Media.
- Wibowo, S.E. (2017). *Kontroversi penerapan hermeneutika dalam studi al-Qur'an di Indonesia*. UIN Sunan Kalijaga.
- Wikipedia. (2020, Jun 13). [https://id.wikipedia.org/wiki/Institut\\_Ilmu\\_Al-Qur%27an](https://id.wikipedia.org/wiki/Institut_Ilmu_Al-Qur%27an)
- Yatim, B. (2010). *Sejarah peradaban Islam: Dirasah Islamiyah II*. Rajawali Pers.